

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG
17 MAC 2019
AHAD



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
MINGGUAN MALAYSIA	BOMBA SAHKAN ADAGAS SIANIDA	2
MINGGUAN MALAYSIA	65. NELAYAN TERJEJAS	3
METRO AHAD	'SUDAH TIBA MASANYA KITA WUJUDKAN SUPERFUND'	4
BERTA HARIAN	PENDUDUK DINASIHAT BERTENANG , TAK PANIK	5
SINAR HARIAN	SAH ADA HIDROGEN SIANIDA	6
SINAR HARIAN	1KM SUNGAI SUDAH DIBERSIHKAN	7
SINAR HARIAN	'MEREKA WIRA MALAYSIA'	8
KOSMO	AGUNG AHIR SIMPATI MANGSA PENCEMARAN KIMIA	9
KOSMO	BOMBA KESAN WUJUD GAS SIANIDA	10
KOSMO	PENCEMARAN SUNGAI KIM KIM JEJAS PENDAPTAN NELAYAN	11
NEW SUNDAY TIMES	'SUNGAI KIM KIM CLEAN -UP GOING WELL'	12
NEW SUNDAY TIMES	111 SCHOOLS IN PASIR GUDANG REMAIN CLOSED, SAYS MASZLEE	13
SUNDAY STAR	COUPLE BRAVE TOXIC FUMES TO HOLD WEDDING	14
SUNDAY STAR	15 TYPES OF CHEMICALS FOUND IN AIR SAMPLES	15
SUNDAY STAR	'PETS NOT IMMUNE TO EFFECTS OF TOXIC FUMES'	16



MINGGUAN MALAYSIA

6 **DALAM NEGERI** MINGGUAN MALAYSIA • AHAD 17 MAC 2019

Bomba sahkan ada gas sianida

Oleh **MOHAMAD FAIZAL HASHIM**
 pengarang@utusan.com.my

■ PASIR GUDANG 16 MAC

JABATAN Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) negeri mengesan terdapat kandungan gas berbahaya hidrogen sianida dalam udara tercemar akibat pencemaran toksik di Sungai Kim Kim, di sini pada 7 Mac lalu.

Pengarah JBPM negeri, Datuk Yahaya Madis berkata, hidrogen sianida adalah antara gas berbahaya daripada 15 gas yang dikesan pihaknya ketika melakukan pencerapan kualiti udara.

“Sepanjang operasi dijalankan, bacaan tertinggi yang direkodkan ialah 4.5ppm di Taman Tanjung Puteri pada Rabu lalu. Namun bacaan itu hanya bertahan kira-kira dua jam sebelum kembali ke paras berjaga-jaga.”

“Dalam bacaan tersebut, kami mendapati terdapat 15 jenis gas dan satu daripadanya hidrogen sianida,” ka-



YAHAYA MADIS

tanya dalam sidang akhbar di pusat rawatan awal Stadium Tertutup Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) di sini hari ini.

Yahaya berkata, ada beberapa kawasan dibuat pengungsian selepas mencatatkan bacaan kualiti udara yang tinggi namun tidak merebak ke kawasan lain.

Sehubungan itu, pihaknya mengklasifikasikan kawasan dalam radius 1.5 kilometer dari kawasan sungai tercemar kekal sebagai zon merah walaupun bacaan berada di bawah paras berjaga-jaga.

“Setakat ini, bacaan kualiti udara di Pasir Gudang berada dalam keadaan terkawal dan tidak berbahaya. Walau bagaimanapun kami khuatir cuaca hujan di sini mampu menyebabkan gas berbahaya merebak ke kawasan lebih luas.”

bagaimanapun kami khuatir cuaca hujan di sini mampu menyebabkan gas berbahaya merebak ke kawasan lebih luas.

“Oleh itu, kita perlu mengharapkan kerja-kerja pembersihan sungai dapat diselesaikan dalam kadar seberapa segera sebelum berlaku perubahan cuaca dalam masa terdekat,” katanya.



MINGGUAN MALAYSIA

650 nelayan terjejas

PASIR GUDANG 16 Mac - Pencemaran toksik Sungai Kim Kim di sini turut terkena tempasnya kepada lebih 650 nelayan apabila hasil jualan mereka berkurangan hingga 50 peratus sejak insiden berlaku 7 Mac lalu.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Johor Selatan, Azli Mohd. Aziz berkata, berikutan kejadian itu, pelbagai jenis ikan yang biasa dijual kepada peraih sebanyak 100 hingga 150 kilogram sehari kini hanya terjual sekitar 18 hingga 30 kilogram.

"Jika jualan sehari kami mampu mencecah hingga RM4,000 sehari tetapi sejak insiden pencemaran toksik itu berlaku kami dapat dalam RM300 hingga RM600 sehari sahaja," katanya ketika ditemui pemberita di Pasar Persatuan Nelayan Kawasan Johor Selatan di Kampung Pasir Gudang Baru di sini hari ini.

Tambahnya, sejak empat hari lalu, sebanyak dua tan ikan dan hasil laut lain terkumpul dianggar bernilai RM5,000 terpaksa disimpan dalam peti sejuk di pasar itu kerana ketiadaan pembeli.

Beliau berkata, ikan dan hasil laut lain yang dibeli peraih dihantar ke Jeti Pengkalan Nelayan Kampung Pasir Gudang Baru pada setiap hari sama ada waktu pagi, tengah hari, petang

atau malam.

Tambahnya, lebih 650 orang yang terjejas terdiri daripada nelayan di kawasan Pasir Gudang antaranya dari Kampung Tanjung Langsat, Kampung Kong Kong Laut, Kampung Sungai Latoh, Kampung Sungai Ti-ram, Kampung Bakar Batu, Kampung Plentong Tengah, Kampung Senibong, Kampung Teluk Jawa dan Kampung Kuala Masai.

Daripada jumlah itu, katanya, 250 nelayan terjejas teruk kerana mereka turut menangkap ikan antaranya ikan kitang, selangat, belanak dan belukang di Sungai Kim Kim melibatkan empat perkampungan nelayan iaitu Teluk Kabung, Perigi Aceh, Kampung Pasir Putih dan Pasir Gudang Baru.

"Logiknya, nelayan berdekatan Sungai Kim Kim sahaja yang terjejas tetapi ini hampir seluruh nelayan di Pasir Gudang turut terkena tempas kerana ramai yang takut nak beli ikan sebab merasakan makanan laut itu sudah tercemar," katanya.

Azli memberitahu, pada 6 Mac lalu dia dimaklumkan lebih 40 laporan polis dibuat membabitkan nelayan Orang Asli Teluk Kabung yang melaporkan terhidu bau busuk selain air sungai terlibat bertukar keruh dan menyebabkan ikan mati.



AZLI MOHD. AZIZ



METRO AHAD

14 setempat

17-03-2019



www.metro.com.my/metro

METRO AHAD

KAFE AHAD



Insiden pencemaran Sungai Kim Kim di Pasir Gudang, Johor mengemparkan negara di mana lebih 1,000 dirawat selepas terhidu sisa kimia yang dibuang di sungai berkenaan oleh pengusaha industri tidak bertanggungjawab. Kejadian turut menyebabkan Kementerian Pendidikan mengarahkan arahan menutup 110 sekolah di daerah berkenaan demi keselamatan pelajar, guru serta kakitangan sekolah. Butir terma bual Wartawan Metro Ahad NOR'ASYIKIN MAT HAYIN dan juruvideo SAIFUL ISKANDAR ISMAIL bersama Pemyarah Kanan Pengurusan Sumber Akuatik, Kualiti Air dan Pengurusan Tasik, Fakulti Alam Sekitar Universiti Putra Malaysia (UPM) Dr. Mohd Yusoff Ishak bagi mengupas isu ini di pejabatnya di Seriang.

Kilang harus semakin banyak. Adakah ia penyumbang kepada masalah pembangunan sisa kimia ke sungai?

Kita tidak boleh menolak kemungkinan terdapat kilang yang menyumbang kepada masalah polipusan sisa toksik bahar.

Pada masa sama, perlu juga melihat kilang yang beroperasi secara sah, tetapi mengambil kesempatan untuk menjilinkan kos operasi dengan cara membuang sisa toksik ini ke tempat yang tidak sepatutnya seperti sungai dan kawasan terpelici.

Adakah pengiraan/kuantiti lemah menjadi punca pencemaran kilang/industri yang membuang sisa kimia ke sungai ini naik/tegang?

Pengiat kuasa sudah melakukan pelbagai usaha seperti memberi lesen/taariran kepada orang awam dan juga industri tentang bahaya pelupusan toksik yang tidak mengikut peraturan.

Namun tiada perubahan sikap yang diperhatikan terutama oleh pihak industri.

Antara inisiatif yang diambil oleh pihak berkuasa adalah dengan menyatitkan setiap industri terbahik mempunyai competent person (orang yang layak) sebagai syarikat-lemah.

Competent person ini adalah individu terlatih dalam bidang kepakaran masing-masing dan bertanggungjawab memastikan pengurusan sisa terbahik tertamanya adalah mengikut undang-undang sedia ada.

Seterusanya, kerajaan perlu menambah baik aspek self-declaration pihak industri agar sentiasa dipantau rapi melalui audit, pelajaran yang lebih kerap dan pemeriksaan mengikut sebagai penghalang insiden Sungai Kim Kim tidak berulang.

Perkongsian maklumat antara agensi perlu diperkukuh. Contoh, apabila sisa tok-

RACUN SUNGAI KIM KIM

'SUDAH TIBA MASANYA KITA WUJUDKAN SUPERFUND

sik tiba di petalohan, agensi pertama yang terbahik umpamanya ialah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

JKDM perlu berkolaborasi maklumat terperinci bahan kimia berbahaya dengan semua pihak yang berkepentingan seperti Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Kesihatan Malaysia, pihak berkuasa tempatan sebagainya. Langkah ini perlu diteruskan dalam setiap rantalan pengguna sehinggalah bahan toksik itu menjadi sisa dan diantar ke tapak pelupusan berlesen untuk tindakan sewajarnya.

Adakah aka alam sekitar sedia ada masih tidak mampu menampung masalah ini daripada terdapat?

Hanya sebahagian daripada elemen di dalam aka alam sekitar sedia boleh di katakan mampu menghalang masalah ini daripada terus terdapat.

Namun, statistik menunjukkan bahawa bilangan sungai yang tercemar terus bertambah saban tahun dan kes kes pencemaran alam sekitar sentiasa dilaporkan.

Contoh, Sungai Kim Kim itu sendiri, adakah keadaannya sendiri bertambah baik sejak adanya aka alam sekitar ini? Dengan isu terkini, aka ini boleh dikatakan gagal.

Sebenarnya Sungai Kim Kim sudah tidak mampu bertahan lagi dalam menerima bahan cemar daripada aktiviti mamusia.

Bagaimana mahu membanding peristiwa Sungai Kim Kim daripada berbilang?

Saya berpendapat perkara ini berlaku semula kepada pihak berkuasa. Sudah tiba masanya kes salah laku alam sekitar di senaikan denda yang lebih tinggi, penjara mandatori dan sebatan.

Denda maksimum RM500,000 dan penjara maksimum 5 tahun dengan kes yang berlaku ketika ini adalah tidak memadai dengan impak yang dialami oleh masyarakat Pasir Gudang akibat perbuatan peka-

Sudah tiba masa juga kita mewujudkan tabung seperti di Amerika Syarikat (AS) iaitu Superfund.

Setiap syarikat yang berurusan dengan bahan terbahik dan sisa toksik perlu menyumbang kepada tabung ini yang diuruskan oleh pihak industri sendiri.

Tabung ini penting untuk kegunaan semua kecemasan seperti kes pencemaran alam sekitar.

Kerajaan boleh menggunakan dana itu untuk kerja baik pulih kawasan tercemar dan kerja pemuliharaan sungai untuk jangka masa yang lebih panjang di seluruh Malaysia.

Insiden di Sungai Kim Kim ini adalah isyarat bahawa Malaysia perlu mewujudkan tabung itu.

Dalam kes Sungai Kim Kim, adakah wujud prosedur operasi standard (SOP) bagi kawasan terbahik beroperasi semula seperti Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Pasir Putih?

SOP itu ada, tetapi apa yang kita lihat, ia terlahi bergantung kepada shop dibuang pihak berkuasa yang terbahik.

Contoh, jika impak berlaku di kawasan sekolah maka SOP ini lebih menurus kepada murid dan di kawasan sekolah.

Bagaimana dengan guru dan pekerja sekolah? Sedangkan kita tahu bahawa impak pencemaran alam sekitar ini akan memberi kesan kepada segenap lapisan masyarakat.

Setiap individu dalam rantalan SOP ini perlu peka dan sedar bahawa akan terdapat kesan apabila mereka memilih sama ada untuk mengambil tindakan atau memilih untuk tidak mengambil tindakan dalam menangani isu pencemaran alam sekitar.

Agensi persekuman seperti Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) perlu dipertika dengan melihat ancaman bukan konvensional serta luar jangka.

Kita mungkin biasa serta bersedia dengan ancaman banjir, namun kelihatan tidak

bersedia dengan impak tumpahan sisa toksik di kawasan berkepadatan tinggi seperti di Pasir Gudang ini.

Pelbagai isu berkaitan bencana dirusakan agensi ini, tetapi fungsinya dan semangat NADMA tidak diperkukuh ke peringkat negeri dan daerah.

Apa yang saya lihat dan pelajari daripada insiden ini ialah lebih kepada pengurusan bencana. Kita harus belajar dengan cepat bagaimana pengalaman kita menangani media dan masyarakat semasa insiden MH370.

Perlu ada pegawai media yang sentiasa berhubung dengan media untuk menyampaikan maklumat dengan tepat dan tepad setiap masa.

Apa Baiter yang kita boleh ambil daripada insiden Sungai Kim Kim?

Kita perlu melakukan lebih banyak kerja daripada sekarang. Tidak cukup dengan mengenal pasti bahan kimia toksik yang dibuang ke dalam Sungai Kim Kim dan mendakwa pelaku.

Kita perlu menanganikan kesan yang dirasakan oleh orang awam terutama murid dan pelajar yang terganggu secara fizikal dan emosi.

Mereka ini perlukan sokongan perubatan dan emosi yang berterusan agar dapat kembali normal serta hadir ke sekolah.

Kerajaan perlu melihat secara merveturah bagaimana insiden ini dapat dielak. Bermula daripada aspek perancangan pembangunan bandar dan desa dengan lokasi penempatan industri, sehinggalah kepada menilai semula dasar mesra pelabur yang diamalkan selama ini.

Adakah berboloi kita ada industri sebegini dan bagaimana kita bersedia menghadapinya? Kemungkinan bencana yang mungkin terdapat daripada segi logistik, kewangan, pemantauan kepatuhan yang menyeyuhir serta peralatan kita dalam menanganikan bahaya sisa kimia?



BERITA HARIAN

Ms. 16 17 Mac 2019 BH AHAD

→ PENCEMARAN

[FOTO MOHD AZREN JAMALUDIN /BH]



Abdul Hamid (tengah) menunjukkan demonstrasi nyah cemar dilakukan 12 Skuadron RAID CBRNe di padang awam Stadium Tertutup MPPG, Pasir Gudang, semalam.

Penduduk dinasihat bertenang, tak panik

➔ Situasi berada dalam kawalan

➔ Pasir Gudang

Penduduk di daerah ini dinasihatkan bertenang dan tidak panik mengenai situasi pencemaran di Sungai Kim Kim yang berada dalam kawalan.

Komander Jurutera Medan Barat, Brig Jen Abdul Hamid Mohd Isa, berkata Tim Tinjau dan Nyah Cemar 12 Skuadron Rejimen Askar Jurutera Diraja (RAJD) Kimia, Biologi, Radiologi, Nuklear dan Letupan (CBRNe) masih ditempatkan di sekitar Pasir Gudang.

Sejak kelmarin, katanya, Tim Tinjau melakukan proses pengesanan, pengenalanan kepada bahan pencemaran, penandaan pada tempat dikenal pasti ada gas bahan kimia beracun dan menyedikan laporan sebelum di selaras serta dianalisis oleh pusat arahan.

"Tim Nyah Cemar mempunyai dua kategori iaitu nyah cemar untuk misi ketenteraan atau kebocoran toksik kimia.

"Bagi operasi di Sungai Kim Kim, kita tidak melakukan nyah cemar terhadap kawasan kerana ia membabitkan operasi lebih besar dan me-

merlukan belanja tinggi. "Keadaan di sini terkawal, jadi kita nasihatkan penduduk sekitar Pasir Gudang bertenang.

"Pasukan CBRNe bekerjasama dengan kerajaan negeri dan Pesekutuan untuk melaksanakan yang terbaik untuk penduduk sekitar," katanya.

Beliau berkata demikian kepada BH selepas memberi penerangan dan menunjukkan demonstrasi nyah cemar dilakukan 12 Skuadron RAID CBRNe di padang awam Stadium Tertutup Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) di sini, semalam.

Abdul Hamid berkata, antara kelengkapan yang digunakan unit berkenaan dalam operasi di Pasir Gudang ialah ChemPro, Lightweight Chemical Detector (LCD), Sampling Equipment, CBRNe Protective Suit (Complete), Tyvek Suit, Breathing Apparatus (BA), Nitrile Glove dan N95 Mask.

Perlu ikut prosedur
Di Kuala Lumpur, Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) menasihatkan petugas yang terlibat dalam kerja pembersihan sisa bahan kimia di Sungai Kim Kim, mengikuti prosedur keselamatan pekerjaan.

Pengerusi NIOSH, Tan Sri Lee Lam Thye, berkata petugas perlu bersedia dan di-

lengkapi dengan peralatan perlindungan diri (PPE) ketika melakukan kerja pembersihan sisa kimia.

"Petugas yang turun membersihkan sungai perlu dilengkapi dengan alat perlindungan pernafasan, pakaian keselamatan, sarung tangan dan alat perlindungan mata.

"Penggunaan 'Breathing Apparatus' juga digalakkan jika tahap kepekatan pencemaran yang tinggi seperti direkodkan Pasukan Khas Peregurusan Bahan Berbahaya (HAZMAT)," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Lam Thye berkata, petugas media yang memuat liputan di kawasan bencana itu juga perlu dilengkapi dengan PPE seperti topeng muka.

Bagaimanapun, katanya petugas media perlu dihadkan membuat liputan hanya di kawasan yang ditetapkan pihak berkuasa.

"Bagi petugas yang sentiasa bergerak ke sekitar kawasan zon merah adalah digalakkan dilengkapi dengan peralatan PPE. Namun jika berada di luar kawasan ini, wajar untuk memakai peralatan perlindungan pernafasan jenis N95/R95.

"Begitu juga petugas yang berada di bilik gerakan bencana seperti badan bukan kerajaan (NGO), pegawai kesihatan, sukarelawan dan lain-lain digalakkan memakai topeng muka," katanya.



SINAR HARIAN

SINAR HARIAN • AHAD 17 MAC 2019

PENCEMARAN SUNGAI KIM KIM

Sah ada hidrogen sianida

FOTO: RAJA JAFFAR ALI

Antara 15 gas dikesan dalam pencemaran Sungai Kim Kim

PASIR GUDANG

Jabatan Bomba Penyelamat Malaysia (JBPM) Johor mengesan kehadiran gas hidrogen sianida yang antara salah satu daripada 15 gas dikesan susulan pencemaran udara ekoran pembuangan sisa bahan kimia di Sungai Kim Kim.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat negeri, Datuk Yahaya Madis berkata, gas berkenaan dikesan pada 13 Mac lalu, selepas kerja-kerja pembersihan di kawasan perumahan dekat Tanjung

Puteri dengan bacaan 4.5ppm.

"Namun bacaan itu hanya bertahan kira-kira dua jam sebelum kembali ke paras berjaga-jaga," katanya pada sidang media di Stadium Tertutup Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) di sini, semalam.

Yahaya turut memaklumkan operasi pembersihan di Sungai Kim Kim akan diselesaikan dalam tempoh dua hari sebelum berlaku hujan pada Selasa ini, susulan ramalan dari pihak Jabatan Meteorologi.

Katanya, cuaca hujan turut menjadi faktor penyebaran gas di kawasan setempat bergerak lebih cepat.

"Jika mengikut kepada keadaan cuaca sekarang penularan gas dalam keadaan sama rata. Sekarang penularan gas tidak men-



Yahaya (dua, kanan) mengadakan sidang akhbar di Pusat Rawatan Awal di Stadium Tertutup MPPG, Pasir Gudang.

jeaskan sangat cuma kita doa jangan cuaca hujan ia akan bergerak dalam kumpulan, itu yang membahayakan.

"Kerja pembersihan

sedang disegerakan supaya sebelum waktu hujan ia dapat diselesaikan," katanya lagi.

Jelasnya, meskipun indeks kualiti udara dalam

keadaan berjaga-jaga, orang awam diingatkan untuk memakai topeng mulut dan hidung untuk tujuan keselamatan.

Tambahnya, orang ra-

info

Hidrogen sianida boleh menghasilkan gas beracun dan mempunyai bau seakan-akan badam. Bahan ini juga digunakan secara meluas dalam industri pengilangan

mai juga disihatkan untuk tidak mendekati kawasan Sungai Kim Kim meskipun mempunyai peralatan perlindungan peribadi (PPE) tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Dalam perkembangan lain, beliau memaklumkan anggota Pasukan Unit Bahan Berbahaya (Hazmat) JBPM bagi menangani kes berkenaan mencukupi di mana melibatkan bantuan anggota dari Johor, Kedah, Perak dan Selangor.



SINAR HARIAN

1km sungai sudah dibersihkan



Bee Yin (dua, kiri) ketika hadir di pusat rawatan awal Stadium Tertutup Pasir Gudang.

PASIR GUDANG - Sepanjang satu kilometer Sungai Kim Kim yang dicekuri bahan toksik sehingga menyebabkan pencemaran udara berlaku di daerah ini telah berjaya dibersihkan sehingga malam kelmarin.

Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin berkata, kerja-kerja pembersihan sungai yang dilakukan 24 jam sehari berjalan lebih pantas daripada yang dijadualkan.

Menurutnya, kerja pembersihan dilakukan kontraktor dilantik kerajaan negeri itu kini berbaki 500 meter yang mana perlu dibersihkan dalam tempoh dua hari lagi.

"Sehingga tengah malam tadi (kelmarin), kerja-kerja membersihkan Sungai Kim Kim sudah menjangkau satu kilometer. Bahagian sungai paling tercemar yang dikenal pasti sejak awal juga sudah dibersihkan.

"Kita jangka dalam masa dua hari

ini (semalam) kerja pembersihan dapat diselesaikan sepenuhnya jika cuaca berada dalam keadaan baik" katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melawat pusat rawatan awal di Stadium Tertutup Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG), semalam.

Dalam pada itu, beliau berkata hasil lawatannya ke pusat rawatan awal itu mendapati jumlah pesakit yang hadir bagi mendapatkan pemeriksaan kesihatan semakin berkurangan berbanding semalam dan hari sebelumnya.

Terdahulu, semalam media melaporkan kawasan seluas 680 meter daripada 1.5km kawasan tercemar di Sungai Kim Kim sudah dibersihkan sehingga jam 4 petang.

Kerja pembersihan berkenaan dilakukan 24 jam oleh tiga kontraktor dilantik melibatkan 90 pekerja bermula Rabu lalu.



SINAR HARIAN

'Mereka wira Malaysia'

PASIR GUDANG - Pengorbanan semua pihak termasuk agensi serta barisan hadapan pasukan perubahan di pusat rawatan awal, Stadium Tertutup Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) susulan pencemaran sisa bahan kimia di Sungai Kim Kim dianggap seba-

gai wira dan wirawati negara.

Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman berkata, ini kerana ada di antara mereka yang hanya tidur sekitar tiga hingga empat jam sahaja berikutan komitmen terhadap tugas.

"Saya ucap terima kasih


kepada semua agensi, barisan hadapan terdiri daripada pihak doktor, farmaseutikal dan psikologi mereka banyak membantu dan sudah lama berkampung di sini.

"Saya juga pergi melawat bilik gerakan Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang mana mereka dihimpunkan dari seluruh negara.

"Saya tanya mereka tidur berapa lama ada yang cakap hanya tidur sekitar tiga, empat jam. Mereka inilah merupakan wira dan wirawati negara dan saya berhutang budi dengan mereka," katanya selepas melakukan lawatan di pusat rawatan awal di Stadium Tertutup Pasir Gudang, semalam.

Tambahnya, beliau berharap isu pencemaran yang berlaku itu dapat diselesaikan secepat mungkin dan mahu pihak bertanggungjawab yang melakukan jenayah itu diheret secepat yang mungkin ke muka pengadilan.

Dalam pada itu beliau turut memaklumkan Kementerian turut menghantar beberapa sukarelawan membantu pesakit di pusat rawatan awal tersebut.



Syed Saddiq ketika melawat tapak tempat sisa toksik dibuang.



8 **Bencana udara beracun di Pasir Gudang**

KOSMO! AHAD 17 MAC 2019



Agong zahir simpati mangsa pencemaran kimia

KUALA LUMPUR - Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah menzahirkan rasa simpati terhadap mangsa pencemaran sisa kimia di Pasir Gudang, Johor dan mendoakan mereka kembali pulih.

Istana Negara dalam kenyataan semalam berkata,

Seri Paduka memandang serius insiden tersebut dan berharap mangsa yang menjalani rawatan saringan awal di Medic Base, Stadium Tertutup Pasir Gudang berupaya menjalani proses pemeriksaan dengan baik.

"Baginda juga menzahirkan ucapan terima kasih dan menyokong tindakan segera yang telah diambil

oleh kerajaan negeri dan agensi berkaitan khususnya Kementerian Kesihatan, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim; Jabatan Bomba dan Penyelamat serta jabatan lain yang berkaitan," titah Sultan Abdullah.

Dalam pada itu, Sultan Abdullah turut memohon

rakyat Malaysia mendoakan keadaan pencemaran sisa toksik di Pasir Gudang tidak akan mengakibatkan keadaan lebih memudaratkan kepada penduduk setempat.

Jumlah mangsa yang menerima rawatan di wad akibat pencemaran sisa kimia di Sungai Kim Kim sejak Khamis lalu mencatatkan penurunan apabila

hanya 131 pesakit dilaporkan masih menerima rawatan di wad berbanding 371 pesakit dilaporkan setakat semalam.

Daripada jumlah itu sebanyak 65 pesakit di tempatkan di Hospital Sultan Ismail (HSI) manakala 66 pesakit lagi menerima rawatan di Hospital Sultanah Aminah (HSA) di sini.



AL-SULTAN ABDULLAH



KOSMO

Bomba kesan wujud gas sianida

Oleh MOHD. IZUAN ROSELI

PASIR GUDANG – Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) mengesahkan terdapat kewujudan gas sianida sebanyak 4.5 partikel per sejuta (PPM) di kawasan Tanjung Puteri berdekatan dengan Sungai Kim Kim.

Pengarah JBPM Johor, Datuk Yahya Madis berkata, ia adalah bacaan gas kimia tertinggi di kawasan susulan pencemaran sisa kimia berbahaya di Sungai Kim Kim sejak 7 Mac lalu.

Katanya, bacaan gas beracun berkenaan bertahan selama dua jam di kawasan itu sebelum pulih seperti biasa.

"Kita kesan terdapat 15 gas kimia berbahaya, bagaimanapun bacaan berada di bawah 3 ppm iaitu paras berjaga-jaga."

"Bacaan gas kimia berbahaya paling tinggi dicatatkan Rabu lalu di kawasan Tanjung Puteri dengan kehadiran gas hid-

Bencana udara bencana di Johor meruncing




KERATAN Kosmo! 14 Mac 2019

rogen sianida sehingga 4.5 ppm di situ," katanya pada sidang akhbar di Pusat Operasi Bomba dan Penyelamat di Stadium Tertutup Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) di sini semalam.

Yahya menambah, bacaan udara masih dilakukan ketika kerja pembersihan Sungai Kim Kim dijalankan kerana bimbang pengewapan gas kimia berbahaya.

"Hujan mampu menyebabkan gas kimia berbahaya merebak dan bergerak ke kawasan lebih luas. Kita mengharapkan kerja pembersihan dapat diselesaikan segera sebelum perubahan cuaca," jelasnya.

Menurut Menteri Tenaga Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan



ANGGOTA Unit Peninjau Bahan Kimia Biologi, Radiologi dan Nuklear (CBRN) menggunakan ChemPro dan Leightweight Chemical Detector untuk mengesan kehadiran kimia di Pasir Gudang semalam.

Iklim, Yeo Bee Yin, pasukan pembersihan mempunyai tempoh singkat iaitu dua hari sahaja lagi untuk memastikan proses pembersihan Sungai Kim Kim dapat diselesaikan tepat pada masanya.

Ini berikutan hujan diramalkan turun pada Selasa ini yang dibimbangi boleh membantutkan usaha pembersihan sungai berkenaan, sekali gus menjadikan pencemaran

di sungai itu lebih teruk.

Sementara itu, Pakar Psikologi Klinikal Mercy Malaysia, Dr. Azlina Roszy Mohd. Gaffar berkata, kira-kira 70 hingga 90 peratus kes orang awam menerima rawatan di Medic Base Stadium MPPG di Pasir Gudang. Beliau berkata, kebanyakannya adalah kes panik berikutan banyak khabar angin dan berita tidak benar tersebar mengenai kes pencemaran sisa kimia.


INFO Sianida

- Dikenali hidrogen sianida
- Gas berbahaya tidak berwarna serta sukar dikesan
- Digunakan dalam penghasilan serat akrilik, getah tirus serta plastik
- Digunakan tentera Jerman sebagai senjata pembunuhan besar-besaran dalam Perang Dunia Ke-2
- Terkandung di dalam asap rokok serta hasil pembakaran bahan sintetik seperti plastik
- Dalam bidang perkilangan, sianida digunakan untuk penghasilan kertas, tekstil dan plastik
- Di dalam racun haiwan perasak seperti tikus, lipas dan binatang parasit

Kesan pendedahan terhadap sianida

- Sianida menyekat sel dalam badan manusia daripada mendapat oksigen
- Hati dan otak manusia lebih terdedah kepada bahaya sianida kerana organ berkenaan memerlukan oksigen yang banyak
- Pendedahan kepada sianida dalam konsentrasi yang rendah mengakibatkan pening, sakit kepala, mual serta muntah, pefafasan dan degupan jantung menjadi laju serta lemah badan
- Pendedahan kepada sianida dalam konsentrasi yang tinggi boleh mengakibatkan sawan, pengsan, tekanan darah rendah dan kegagalan sistem pefafasan yang mengakibatkan kematian

Sumber - <https://emergency.cdc.gov/agent/cyanide/basics/facts.asp>



KOSMO

Pencemaran Sungai Kim Kim jejas pendapatan nelayan

PASIR GUDANG - Insiden pencemaran sisa bahan kimia di Pasir Gudang sejak 7 Mac lalu bukan sahaja menjejaskan kesihatan penduduk sekitar malah menyebabkan tangkapan dan hasil jualan nelayan merosot.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Johor Selatan, Azli Mohd. Aziz berkata, seramai 650 anggota persatuan itu dari beberapa perkampungan sekitar mendakwa, hasil jualan mereka berkurangan sehingga 50 peratus sejak 10 hari kejadian pencemaran kimia.

"Pencemaran ini menyebabkan 250 nelayan dari empat kampung

di sekitar Sungai Kim Kim iaitu nelayan Orang Asli Telok Kabung, Kampung Perigi Aceh, Kampung Pasir Putih dan Kampung Pasir Gudang Baru yang menjadikan sungai itu sebagai punca rezeki terjejas.


"Kejadian ini turut menyebabkan berlakunya lambakan ikan termasuk yang didaratkan di Pasar Nelayan Kampung Pasir Gudang Baru kerana orang ramai tidak datang membeli ekoran dikhuatiri 'tercemar,'" katanya yang ditemui di Pasar Nelayan Kampung Pasir Gudang Baru di sini semalam.

Katanya, sejak empat hari


lalu, sebanyak dua tan ikan dan hasil laut terkumpul terpaksa disimpan di peti sejuk di pasar itu kerana ketiadaan pembeli yang dianggar kesemuanya bernilai RM5,000.

"Permintaan terhadap kupang juga merosot. Sebenarnya orang ramai tidak perlu bimbang terhadap kesemua ikan dan hasil laut yang dijual di Pasar Nelayan Kampung Pasir Gudang Baru kerana kebanyakan ikan berkenaan bukannya dari Sungai Kim Kim.

"Sebaliknya dari laut Selat Tebrau timur dan kawasan lain seperti Sedili, Endau, Mersing serta Batu Pahat," katanya.



AZLI menunjukkan lambakan kupang yang disyaki tercemar akibat sisa kimia dari Sungai Kim Kim ketika tinjauan di Sungai Masai, Kampung Pasir Gudang Baru semalam.



NEW SUNDAY TIMES

NewSundayTimes • MARCH 17, 2019

8

NEWS / Nation



A bird's-eye view of the contaminated area of Sungai Kim Kim in Pasir Gudang on Friday afternoon. PIC BY ADI SAFRI

TOXIC WASTE

'SUNGAI KIM KIM CLEAN-UP GOING WELL'

Work on remaining contaminated area to be completed in 2 days if weather permits, says minister

MOHAMED FARID NOH
PASIR GUDANG
cnews@nstp.com.my

covered up to midnight on Friday. Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Minister Yeo Bee Yin said she was satisfied with the progress, adding that the clean-up was done in a prompt and careful manner.

"This is good development, fol-

lowing work to clean up the area that was most contaminated with hazardous chemical waste — covering 680m — yesterday (Friday) afternoon.


"We expect clean-up work of the remaining 500m area to be completed within two days if the weather permits."

Yeo said this after visiting victims at the early treatment centre at the Pasir Gudang Municipal Council Indoor Stadium here.

Yeo was reported on Friday as saying the clean-up work was done 24 hours a day by three contractors, involving 90 workers, since last Wednesday.

"A total of 250 jumbo bags containing soil and sludge materials, as well as 350 metric tonnes of contaminated water, were collected in operations that began on March 13, and will be sent to a refinery licensed by the Johor Department of Environment."

THE clean-up of the polluted area in Sungai Kim Kim is going smoothly, with two-thirds of the 1.5km affected area



NEW SUNDAY TIMES

111 schools in Pasir Gudang remain closed, says Maszlee


BANTING: The Education Ministry said 111 schools in Pasir Gudang will remain closed following the toxic pollution from the dumping of chemicals into Sungai Kim Kim.

announced later. "We (have to) look at the situation first. We don't have a date for the reopening of the schools," he said after launching the Private Education Open Day at Mahsa University here yesterday.

On Wednesday, the ministry closed 111 schools in Pasir Gudang following the toxic pollution based on the current situation and feedback from the State Disaster Management Committee.

On Friday, Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Minister Yeo Bee Yin said the most polluted 680m

of the 1.5km-long Sungai Kim Kim had been cleaned, involving 90 workers, since Wednesday. Meanwhile, Maszlee urged all Malaysian students in Christchurch, New Zealand and nearby cities to exercise caution following the random shooting incidents at two mosques in the city on Friday. "None of our students are affected. All 303 Malaysian students in Christchurch are safe. "We hope our students will take precautionary measures. We pray for the safety of our students and Malaysians there," he said. **Berna-ma**



Couple brave toxic fumes to hold wedding

By REMAR NORDIN
newsdesk@thestar.com.my

JOHOR BARU: The risk of hazardous fumes from Sungai Kim Kim did not stop Muhammad Noor Shahfizi Muhd Nazri and Saleha Rohman, both 21, from tying the knot.

The couple who met a year ago after being introduced by a mutual friend, held their ceremony at Saleha's family house at Jalan Selasih 3, Taman Pasir Putih, which is located about 500m from the river.

Muhammad Noor said he could not be happier marrying the love of his life, although there were lots of hiccups along the way.

"But somehow we managed it together. It just shows how strong and committed we are to each other and I wouldn't want it any other way," he said when met after the wedding here yesterday.

“We planned to have at least four tents, but we only managed to get two. The wedding cake maker and caterer also ran away.”

Muhammad Noor Shahfizi Muhd Nazri

Muhammad Noor, who is from Alor Gajah, Melaka, said some of their original plans had to be scrapped because some people were afraid to leave their homes.

"We planned to have at least four tents but we only managed to get

two. The wedding cake maker and caterer also ran away.

"But thank God, we have family members who helped and prepared everything so we are blessed," he said.

However, Muhammad Noor said he was a little disappointed because some of his family could not make it for the wedding.

Saleha, who is still studying at Kolej Universiti Islam Melaka, said they had actually decided to postpone their wedding until conditions improved.


"But we had prepared and paid for everything. We had also invited our relatives and to cancel an event is not easy.

"My father advised us to just carry on," she said.

Saleha said they also told their family and friends they would understand if they opted not to attend.



The show must go on: Muhammad Noor and Saleha posing in their wedding attire.



SUNDAY STAR

15 types of chemicals found in air samples

Most gases are harmless but some could be toxic

By VENESA DEVI
newsdesk@thestar.com.my

PASIR GUDANG: The Fire and Rescue Department has identified at least 15 types of chemicals in air samples taken from areas surrounding Sungai Kim Kim, including hydrogen cyanide.

Its Johor department director Datuk Yahaya Madis said while most of these gases were harmless, some – such as hydrogen cyanide – could be harmful if found in high concentration or if a person was exposed to it for too long.

“So far, the highest reading of hydrogen cyanide we have seen was 4.5ppm (parts per million) on March 13 at Taman Tanjung Puteri Resort.

“However, the reading returned to normal after less than two hours and did not spread to other areas,” he said, adding that currently the air quality around Pasir Gudang had improved since Friday.

Chemicals, believed to contain



heavy metal used to dissolve metal at a scrapyard and a chemical factory in Kulai, were discharged into the river about a week ago, leading to hundreds of people being treated for exposure to hazardous fumes.

Since then, there have been three waves of air pollution as the chemicals washed downstream towards the Straits of Johor.

Yahaya said currently, based on their tests, the concentration of hydrogen cyanide was at a safe level of 3ppm and below around the area.

“While it is below the risky threshold, we still need to be alert as the readings can change according to the wind and weather.

“We are taking air readings from time to time to ensure clean-up does not deteriorate the air quality,” he said in a press conference at the Pasir Gudang Indoor Stadium here yesterday.

Meanwhile, Pasir Gudang Amanah division chairman and complaints centre supervisor Syed Othman Syed Abdullah has filed a police report over fake viral news about the incident which has caused unnecessary public fear.

“In one of the messages being circulated on WhatsApp, the culprit claimed a 14-year-old had died due to the toxic fumes, which is not true.

“Another Facebook post claimed Kota Masai was unsafe and the public was urged to evacuate the area,” he said.

He pointed out that some of the original posts had been removed but the fake news had already gone viral.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said the toxic



Words of assurance: Dzulkefly speaking to victims at the Pasir Gudang stadium. — Bernama

fumes is a one-off “acute exposure” (short-term) and it was not expected to cause long-term chronic effects.

He pointed out that the level of toxicity was low and would not kill those who had been exposed to it.


“I’d like to emphasise that what we are witnessing here is an acute exposure where the dose is not fatal,” he said here yesterday.

Asked if villagers and residents staying near the river should be

evacuated during the clean-up operation, he said that it was not the ministry’s jurisdiction to give such an instruction.

“The agencies did find hydrogen cyanide but it is at a very low level, which is at 5ppm.

“We will wait and see if there is such a need but at the moment, the clean-up operation will continue. It is already reaching almost 1km (stretch),” he said.



SUNDAY STAR

'Pets not immune to effects of toxic fumes'

By MOHD FARHAAN SHAH
farhaan@thestar.com.my

PASIR GUDANG: Pet owners here have been told to give special attention to their pets as they too could be affected by the emission of toxic fumes from the polluted Sungai Kim Kim.

Noah's Ark Animal Shelter chairman Mariam Yusof said animals too could be exposed to the fumes and their lives could be at risk and owners should keep a lookout for their pets' health especially their cats and dogs.


"Animals who might be suffering from toxic fumes will show similar symptoms to humans such as vomiting with difficulty breathing," she said.

Mariam added that the group was in constant contact with their Johor Baru branch on the condition of animals in the district.

"So far, we have yet to receive any information on animals that have fallen sick or are suffering from the toxic fumes in the district.

"However, I urge owners to lessen outdoor activities and to take their pets immediately to a veterinarian if they notice their animals are unwell," Mariam said.

It was reported that the district has been hit with toxic fumes and thousands of people have been treated due to the chemical waste dumped into Sungai Kim Kim.



Moving hazardous material: The team involved in Ops Kim Kim carrying out excavation work at Sungai Kim Kim near Pasir Gudang. — Bernama

